

26 MAY 2000

Mahathir-Agama

PENDIDIKAN AGAMA TAK BERKESAN BANGUN PERIBADI PELAJAR MUSLIM

JITRA, 26 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pendidikan agama di negara ini gagal membangunkan peribadi pelajar Melayu sebagai orang yang mulia.

"Kita dapati anak orang Islam tidak berminat belajar, ponteng sekolah, bila habis waktu sekolah tak balik rumah sebaliknya lepak di kompleks membeli belah dan menjadi penghisap dadah," katanya pada persidangan media di akhir lawatan sehari ke kawasan parlimennya, Kubang Pasu hari ini.

Dr Mahathir berkata sekiranya sistem pendidikan agama berjaya menerapkan nilai Islam mereka dengan sendirinya akan menolak perkara yang tidak baik itu.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman baru-baru ini yang berkata fardu kifayah akan diterapkan ke dalam sistem pendidikan agama, selain fardu ain yang diajar sejak beberapa tahun lepas.

Dr Mahathir berkata oleh kerana tidak mahu perkara itu terus berlarutan kerajaan telah mengarahkan agar fardu kifayah juga diterapkan ke dalam pengajian agama Islam.

"Sekarang ini fardu kifayah tidak ditekan, tumpuan hanya kepada fardu ain," katanya.

Beliau berkata fardu ain adalah merujuk kepada ajaran amalan untuk hidup di akhirat sedangkan fardu kifayah untuk kepentingan seluruh masyarakat Islam semasa di dunia.

Katanya masyarakat Islam akan menjadi lemah sekiranya mereka gagal melaksanakan tanggungjawab dalam fardu kifayah.

"Sebab itu kita perlu kepada kecekapan ketenteraan, kemampuan mengeluarkan alatan ketenteraan, doktor, jurutera dan sebagainya.

"Semua orang ini diperlukan sebelum masyarakat Islam dianggap telah berjaya menunaikan fardu kifayah. Kalau tidak ada orang seperti itu dalam masyarakat Islam dan mereka menjadi lemah serta ditindas orang lain maka yang berdosa adalah seluruh masyarakat Islam," katanya.

-- BERNAMA

MZM ARA AKD